



Corak pengajaran dan pembelajaran hari ini turut berubah mengikut peredaran zaman di mana cikgu perlu kreatif menyediakan bahan pembelajaran dalam usaha memastikan murid-murid seronok untuk belajar seterusnya dapat menguasai kemahiran membaca dengan baik.

Pupuk minat membaca dalam kalangan anak-anak

Sinar Harian (14/02/2022) M15 24

Perlu ada kerjasama semua pihak dalam melahirkan generasi yang berjaya

Memupuk minat membaca dalam kalangan anak-anak bukanlah tugas yang memerlukan tempoh masa singkat.

Ia memerlukan kerjasama semua pihak dan paling penting, anak-anak harus punya minat yang lahir tanpa paksaan.

Sekiranya kita sebagai ibu bapa berjaya mewujudkan rasa minat pada anak-anak termasuk membaca, sudah pasti banyak faedah dan kesan positif jangka pendek dan panjang akan kita perolehi.

Pensyarah Kanan, Fakulti Pendidikan (Psikologi Pendidikan), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Puncak Alam, Selangor, Dr Khadijah Said Hashim berkata, membaca bukan sekadar buka buku sebaliknya banyak tujuan seperti mencari informasi, jawapan serta penyelesaian, menambah ilmu pengetahuan, mencipta keseronokan dan

sebagainya.

"Semua lapisan masyarakat haruslah mempunyai minat ataupun suka untuk membaca. Bukan sahaja buku-buku bercetak tetapi elektronik yang semakin menjadi pilihan generasi hari ini.

"Keperluan minat membaca akan melahirkan masyarakat yang bukan sahaja celik ilmu pengetahuan, tapi membantu memperbaiki cara berfikir dan kematangan.

"Kemahiran-kemahiran yang lahir daripada pembacaan akan membantu memperbaiki komunikasi, cara bekerja dan juga kehidupan dalam bermasyarakat," katanya kepada *Sinar Bestari*.

Menurutnya lagi, ada beberapa kaedah yang boleh ibu bapa lakukan dalam memupuk minat membaca anak-anak kecil.

"Ada empat kaedah iaitu *modelling* (contoh tauladan), *stimulate* (rangsangan - untuk mengukuhkan lagi minat dalam kalangan anak-anak), *support* (sokongan emosi, kewangan dan masa) serta *reward* (ganjaran).

"Setiap kaedah ini perlu dilakukan bersungguh-sungguh dan berterusan. Saya yakin, anak-anak akan menjadikan buku sebagai teman rapat nanti," ujarnya.

Ketika ditanya mengenai umur yang bersesuaian untuk anak-anak mahir membaca, Dr Khadijah berkata, pendedahan seawal usia amat digalakkan.

"Melihat kepada sistem pendidikan hari ini, kita cuba sedaya upaya untuk mendedahkan anak-anak kepada bahan bacaan seawal 4 atau 5 tahun. Ada juga kes-kes yang lebih awal daripada itu.

"Namun saya berpendapat, tidak ada batas

ataupun umur khusus untuk menguasai kemahiran ini. Pada anak-anak, ada perkara lebih signifikan dan kritikal perlu diberikan dan dikuasai selain daripada penekanan kepada kemahiran membaca. Contohnya, kemahiran komunikasi, kemahiran empati, adab dan keselamatan.

"Persoalan mengapa masih ada anak-anak belum menguasai kemahiran ini? Saya berpendapat sebab kebanyakan ibu bapa

terlalu bergantung kepada usaha satu pihak sahaja dan meletakkan sepenuhnya tanggungjawab kepada golongan pendidik," tuturnya lanjut.

Sambungannya lagi, murid Tahap Satu yang gagal menguasai 3M (membaca, menulis, mengira) kerana pandemik Covid-19 baru-baru ini juga sememangnya sudah dijangka.

"Isu ini adalah sesuatu yang telah dijangkakan dan ia mengundang panik, tapi perlu

terus fikirkan tindakan. Ia perlu ditangani secara Bersama Dan Bijaksana (B2B).

"Misalnya, mewujudkan kerjasama antara komuniti sekolah dengan menganjurkan pertandingan membaca buku digital untuk disesuaikan dengan suasana dan peredaran semasa anak-anak generasi sekarang.

"Ibu bapa juga boleh bermula dengan menyediakan buku-buku bacaan yang ringan seperti komik untuk menarik minat mereka di samping menyelitkan aktiviti lain seperti membaca sambil menonton televisyen, bermain sambil membaca dan lain-lain," ujarnya.

Akhir sekali, Dr Khadijah memberikan sedikit nasihat untuk ibu bapa, guru dan masyarakat berkenaan kemahiran membaca.



DR KHADIJAH



Pelbagai aktiviti dilakukan guru dalam memastikan murid-muridnya rapat membaca dengan baik.